

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2008**

=====

**PENYELARASAN DASAR-DASAR BARU BERKAITAN
URUSAN TANAH DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklum dan memberi garis panduan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri terhadap penyelarasan dasar-dasar baru berkaitan urusan tanah di Negeri Selangor.

2. LATARBELAKANG

YAB. Dato' Menteri Besar Selangor pada 4 April 2008 semasa perjumpaan bersama Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah telah mengarahkan semua urusan-urusan tanah yang sedia ada perlu dikaji semula bagi memastikan dasar yang dilaksanakan selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri.

3. **KAEDAH PELAKSANAAN PENYELARASAN DASAR
DAN PROSES URUSAN TANAH DI NEGERI SELANGOR**

**3.1 Kelulusan Lesen Pendudukan Sementara di Bawah
Seksyen 65 kanun Tanah Negara**

3.1.1 Berdasarkan Warta Kerajaan Negeri Selangor melalui Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 bertarikh 7 Jun 1984 Sel PU 18 telah menggariskan perkara berikut di para 3 (ii) dan (iii) iaitu:

Semua permohonan Lesen Pendudukan Sementara perlu mendapat perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah terlebih dahulu sebelum Lesen Pendudukan Sementara dapat diluluskan.

3.1.2 Penyeragaman Kuasa Kelulusan LPS

- i) Pentadbir Tanah Daerah **diberikan kuasa penuh dalam meluluskan permohonan LPS.**
- ii) **Perakuan daripada Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) tidak diperlukan dan jawatankuasa ini dibubarkan dengan serta-merta.**

- iii) **Garis panduan kelulusan LPS adalah seperti Warta Kerajaan Negeri Selangor PU 18 bertarikh 7 Jun 1984** dengan mengeluarkan perkataan perakuan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah.
- iv) Menambah di dalam Warta sedia ada dengan Pentadbir Tanah Daerah boleh **membuat keputusan ke atas semua kategori tanah meliputi Tanah Bandar dan Tanah Desa.**
- v) **Membatalkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil.2 Tahun 1998** berdasarkan kelulusan MMKN 11 Februari 1998. **(Pindaan seperti di lampiran A)**

3.2. Permohonan Pemberilikan Tanah Kerajaan Di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara

3.2.1 Pentadbir Tanah Daerah tidak perlu menerima sebarang permohonan baru bagi tanah-tanah baru (*virgin land*).

3.2.2 Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memproses semua permohonan yang sedia ada dan mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan.

3.2.3 Permohonan baru boleh diterima untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan kriteria berikut:-

- i) Permohonan dari anak syarikat kerajaan Negeri Selangor, badan kerajaan dan pihak swasta untuk tujuan awam seperti Tenaga Nasional Berhad.
- ii) Pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya 3 (tiga) tahun pada tarikh 1 Januari 2008.
- iii) Permohonan tanah yang telah diluluskan oleh MMKN sebelum ini tetapi gagal menjelaskan notis tuntutan premium dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - a) Pemohon asal yang telah diluluskan atau warisnya yang dipersetujui oleh keluarga untuk memohon semula tanah tersebut.

- b) Pemohon baru dapat mengemukakan bukti yang lengkap bahawa pemohon asal yang telah diluluskan telah memberikan kuasa atau meyerahkan hak kepadanya untuk memohon semula tanah tersebut.

- iv) Permohonan lot-lot bersebelahan dan persekitaran telahpun dikeluarkan hakmilik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- v) Tanah yang telah dirampas dan dipohon semula oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan ke atas hakmilik yang dirampas.

- vi) Tanah milik pemohon yang telah diserahkan kepada Kerajaan akibat daripada pembangunan bagi tujuan yang telah dikhaskan dan dipohon semula setelah mendapat persetujuan bahawa lot-lot terbabit tidak diperlukan oleh Kerajaan bagi tujuan yang telah dikhaskan tersebut.

vii) Tanah tamat tempoh pajakan yang dipohon oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan.

Permohonan tamat tempoh akan dikenakan denda sebanyak RM200.00 bagi setiap satu (1) tahun kelewatan dan jika mengemukakan selepas lima (5) tahun tamat tempoh pajakan bayaran dikenakan adalah sebanyak RM 200 x 5 tahun.

3.2.4 Semua permohonan sedia ada yang melibatkan permohonan tanah yang belum diusahakan/ diduduki oleh individu atau syarikat atau yang tidak dinyatakan seperti di para 3.2.3 adalah disyorkan tolak oleh Pentadbir Tanah Daerah dan perlu diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berdasarkan kepada kuasa menolak permohonan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.8 Tahun 1979, Bil.2 Tahun 1991, Bil.2 Tahun 1993 dan Bil.2/98 dengan ini adalah dibatalkan.

4.2 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 15 Mei 2008.**

T.T

(ZABIDAH BINTI AWANG)

Timbalan Pengarah

b.p: Pengarah Tanah dan Galian

Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 28 Mei 2008

<p>PENURUNAN KUASA DI BAWAH SEL PU 18</p>	<p>PINDAAN</p>
<p>Pengarah Tanah dan Galian Negeri</p> <p>Meluluskan LPS untuk tujuan-tujuan berikut setelah mendapat Perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) untuk tanah kurang daripada 10 ekar:</p> <p>a) <i>untuk pertanian, memelihara ikan, kerang, binatang ternakan, memetik buah-buahan, menoreh getah, jalan, jambatan, jeti dan kawasan hampas lombong atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong.</i></p>	<p>Pengarah Tanah dan Galian Negeri</p> <p>Meluluskan LPS untuk tujuan-tujuan berikut setelah mendapat <u>Perakuan Pentadbir Tanah</u> untuk tanah kurang daripada 10 ekar:</p> <p>a) <i>untuk pertanian, memelihara ikan, kerang, binatang ternakan, memetik buah-buahan, menoreh getah, jalan, jambatan, jeti dan kawasan hampas lombong atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong</i></p>
<p>Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD)</p> <p>Pentadbir Tanah boleh meluluskan LPS untuk tujuan-tujuan berikut setelah mendapat Perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD):</p> <p>a) <i>untuk pertanian di atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan yang luasnya tidak melebihi daripada 3 ekar</i></p> <p>b) <i>untuk memelihara ikan, kerang dan binatang ternakan di atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan yang luasnya tidak lebih daripada 3 ekar</i></p>	<p>Pentadbir Tanah Daerah</p> <p>Meluluskan LMS untuk permohonan LPS untuk tanah pertanian daripada 3 ekar dengan syarat berikut:</p> <p>a) <i>untuk pertanian di atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan yang luasnya tidak melebihi daripada 3 ekar</i></p> <p>b) <i>untuk memelihara ikan, kerang dan binatang ternakan di atas tanah rizab kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan yang luasnya tidak lebih daripada 3 ekar</i></p>

<p>PENURUNAN KUASA DI BAWAH SEL PU 18</p>	<p>PINDAAN</p>
<p>c) <i>untuk rumah kediaman di atas tanah kerajaan jenis tanah desa</i></p>	<p>c) <u><i>untuk rumah kediaman di atas tanah kerajaan</i></u></p> <p>JAWATANKUASA TANAH DIMANSUHKAN DAN MEMBERIKAN KUASA PENUH KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH</p>
<p>Pentadbir Tanah Daerah</p> <p>Kuasa untuk meluluskan LPS untuk tujuan-tujuan berikut TANPA MERUJUK KEPADA JKTD:</p> <p>a) <i>untuk pertunjukan awam, pasaria, bangunan kongsi, khemah, pondok dan lain-lain pembinaan yang berbentuk sementara di atas tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong</i></p> <p>b) <i>untuk tembok, pagar dan halaman rumah di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong</i></p> <p>c) <i>untuk papan iklan di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong</i></p> <p>d) <i>untuk memetik buah-buahan dan menoreh getah di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan tidak lebih dari 3 ekar</i></p> <p>e) <i>untuk jalan, jejambat dan jeti di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong</i></p>	<p>PENTADBIR TANAH BERHAK MENIMBANG UNTUK MEMBERIKAN KELULUSAN JIKA MELIBATKAN PERMOHONAN BERTINDIH BERDASARKAN KEPADA ULASAN-ULASAN TERKNIKAL YANG TELAH DIPERAKUKAN</p>

PENURUNAN KUASA DI BAWAH SEL PU 18	PINDAAN
<p>f) <i>untuk kawasan membuang sampah hampas lombong di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong bagi kawasan tidak lebih dari 3 ekar</i></p> <p>g) <i>untuk pencawang dan rintisan Lembaga Lektrik Negara di atas tanah kerajaan , tanah rizab dan tanah lombong</i></p> <p>setelah mendapat persetujuan Jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan dan dengan syarat bahawa bagi permohonan-permohonan yang bertindih, perakuan daripada JKTD diperolehi terlebih dahulu.</p> <p>Kelulusan MKKN</p> <p>Semua Permohonan yang tidak dinyatakan di bawah SEL PU 18</p>	